

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 9 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1141-L2362  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar bahawa kadar keciciran dari sekolah akan menjadi-jadi dan bertambah buruk apabila faktor kemiskinan dan masalah hidup meliliti kehidupan keluarga terutama di kawasan setinggan tidak ditangani dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya masalah ini tidak wujud dalam negara yang mengorak langkah ke arah Wawasan 2020.
2. PN-1141-L2545  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai satu peruntukan khas bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perubatan serta nyatakan jumlah peruntukan tersebut. Apakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk mengikut nasihat 'World Health Organization' di mana diperuntukkan sebanyak 5 peratus daripada KNK bagi tujuan penjagaan kesihatan dan perubatan.
3. PN-1141-L2925  
**Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah pelajar lepasan pusat-pusat kemahiran dapat bersaing di pasaran pekerjaan tempatan.
4. PN-1141-L2596  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Malaysia, Singapura atau Indonesia pernah meminta sumbangan daripada negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat yang menggunakan Selat Melaka, untuk menanggung kos menjaga keselamatan di kawasan perairan itu dan apakah reaksi negara-negara tersebut.

5. PN-1141-L2583  
**Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan Pelajar IPTS yang mendapat bantuan biasiswa atau pinjaman Kerajaan.
6. PN-1141-L2382  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kanak-kanak hilang pada tahun 2004, 2005, 2006 dan empat bulan pertama pada tahun 2007 di negara ini.
7. PN-1141-L2289  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tuntutan kenaikan gaji adalah satu daripada lima isu utama berkaitan kakitangan awam yang diperjuangkan oleh CEUPACS. Apakah tuntutan itu munasabah dan boleh ditunaikan serta apakah kesannya terhadap kemampuan kewangan negara terutamanya untuk melaksanakan RMK-9.
8. PN-1141-L2783  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina LCCT di Pulau Pinang untuk dijadikan hab operasi penerbangan murah di wilayah utara. Jika ya, bilakah projek ini akan dilaksanakan.
9. PN-1141-L2134  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap syarikat-syarikat insurans di negara ini bagi melindungi kepentingan orang ramai yang terlibat dengan kemalangan jalan raya dan telah di isytiharkan sebagai "total loss" atau kenderaan mereka dicuri di mana biasanya pihak insurans hanya akan membayar pampasan lebih rendah daripada nilai perlindungan yang diambil.
10. PN-1141-L2085  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kekerapan serbuan ke atas kilang mencetak VCD/CD dan berapa banyakkah bahan-bahan seperti CD/VCD haram dan lucah dirampas dalam tahun 2006.
11. PN-1141-L2883  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak skim modal teroka Permodalan Usahawan Nasional Berhad diwujudkan dalam RMK- 7 dan bagi tempoh 2001-2003.
12. PN-1141-L2866  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah peranan FAMA dalam mengedarkan barangan pertanian khususnya buah-buahan. Sejauh manakah FAMA memainkan peranan dalam memodenkan sistem pengedaran buah-buahan di negara ini dan apakah FAMA mempunyai strategi untuk memasarkan hasil seperti pisang, mangga dan lain-lain untuk pasaran antarabangsa.

13. PN-1141-L2147  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian dalam penggal pertama dalam usaha menarik pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.
14. PN-1141-L2237  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana tindakan pemantauan terhadap institusi-institusi pengajian awam dan swasta dalam memastikan kualiti graduan dapat dipertingkatkan.
15. PN-1141-L2411  
**Dato' Yip Kum Fook** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai barangan yang telah dimasukkan ke kontrak pusat dan adakah kajian latar belakang dibuat terhadap syarikat-syarikat yang mendapat kontrak pusat untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat tersebut memang layak dan berwibawa. Mengapakah ada syarikat yang layak tidak diberi peluang untuk berbuat demikian.
16. PN-1141-L2524  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) langkah-langkah pro-aktif yang dibuat oleh Tabung Haji untuk meningkatkan tabungan dan pelaburan oleh pendeposit aktif di kalangan orang muda dalam lingkungan umur 25 tahun ke 35 tahun untuk menabung bagi menunaikan umrah dan haji; dan
  - (b) berapakah peratus jumlah tabungan mereka keseluruhannya dan bilangan orang dalam usia di atas yang menunaikan umrah atau haji dalam tempoh 10 tahun terakhir.
17. PN-1141-L2679  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kejadian tidak menggunakan meter, mengenakan tambang lebih, enggan mengambil penumpang dan sebagainya oleh pemandu teksi makin meningkat, mengapakah tidak dianggap perbuatan itu sebagai suatu kesalahan jenayah dan pelaku boleh dikenakan hukuman penjara.
18. PN-1141-L2152  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah lesen MM2H yang telah dikeluarkan oleh Kementerian dan adakah Kementerian mewajibkan kesemua permohonan visa MM2H hanya dibuat melalui syarikat-syarikat berlesen sahaja mulai tahun ini.

19. PN-1141-L2744  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk meneruskan cadangan untuk mewajibkan pemaju menyediakan Laporan EIA bagi pembangunan yang melibatkan keluasan 20 hektar dan ke atas dan bukan 50 hektar.
20. PN-1141-L2684  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Malaysia selaku pengerusi OIC dalam mempackagekan semula imej Islam di mata dunia serta apakah tindakan susulan yang proaktif bagi mengatasi pelbagai isu sosial kontemporari kronik yang melanda umat Islam di dunia dan Malaysia khususnya.
21. PN-1141-L2828  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan di dalam meningkatkan kemahiran komunikasi di kalangan pelajar-pelajar.
22. PN-1141-L2018  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan nama penerima-penerima tabung penyakit kronik berserta jumlah yang diterima, jumlah yang disediakan oleh Kerajaan dan jumlah yang telah dibelanjakan setakat 2006 serta prosedur, garis panduan dan apakah terma syarat sesuatu permohonan tabung penyakit kronik ini.
23. PN-1141-L2361  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil di dalam membina dan menyediakan tukun-tukun laut di seluruh negara dan apakah hasil dan manfaat yang telah dicapai.
24. PN-1141-L2614  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senaraikan jumlah farmasi dan bilangan cawangan yang diluluskan oleh pihak Kementerian di setiap negeri.
25. PN-1141-L2273  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peranan khusus syarikat GLC dalam menangani masalah penyertaan bumiputera yang lebih memuaskan di dalam kehidupan ekonomi Malaysia.
26. PN-1141-L2495  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kadar jenayah bagi bandar-bandar utama di Malaysia mengikut jenis jenayah sejak dari tahun 2004. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan kadar jenayah yang begitu mendadak di Wilayah Persekutuan sejak akhir-akhir ini.

27. PN-1141-L2612  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah rata-rata pegawai daripada perkhidmatan tertutup (closed service) seperti Kastam, BPR, LHDN dan Jabatan Pelajaran tidak mudah menerima pegawai PTD untuk menerajui dan menganggotai perkhidmatan tertutup. Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.
28. PN-1141-L2470  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam pemantauan ICU dan JPM dalam tahun 2006 dan 2007, senaraikan 5 projek yang diluluskan itu yang melebihi nilai bajet asal dalam RMK-9 dengan peratusan yang tertinggi dan 5 projek yang kelebihan bajet dengan jumlah wang yang tertinggi, adakah dan apakah perbezaan keberkesanan kos serta keberkesanan impak dalam pemantauan projek tersebut yang dijalankan dengan secara profesional dan yang diaudit dengan teliti.
29. PN-1141-L2122  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar sekolah telah meningkat berbanding dengan tahun-tahun yang lepas terutama sekali selepas bahasa pengajaran bagi mata pelajaran sains dan matematik ditukar ke bahasa Inggeris.
30. PN-1141-L2322  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah penerbitan modul bagi mata pelajaran pendidikan keselamatan jalan raya yang akan diperkenalkan kepada murid tahun 1 mulai bulan ini diberikan kepada sebuah syarikat antarabangsa dan tidak kepada syarikat tempatan atau dikendalikan oleh pihak Kementerian sendiri.
31. PN-1141-L2685  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara jelas mekanisme kelulusan kenaikan pangkat di sektor perkhidmatan awam dan nyatakan jumlah peruntukan skim gaji baru untuk kakitangan penjara seluruh negara bagi mempertingkatkan taraf hidup sosial masa kini.
32. PN-1141-L2383  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana budaya 'life long learning' dipupuk di kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
33. PN-1141-L2288  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah definisi 'mangsa banjir' yang di guna pakai di Johor untuk melayakkan mereka menerima wang ehsan daripada Kerajaan dan mengapa ramai mangsa banjir yang tercicir namanya sebagai penerima wang ehsan Kerajaan serta berapakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk membayar wang prihatin, wang ehsan dan wang ehsan tambahan ini.

34. PN-1141-L2496  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan FTA setakat ini. Adakah Kerajaan akan mendedahkan isi perjanjian kepada umum kerana melibatkan kepentingan rakyat seluruh negara.
35. PN-1141-L2097  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik pembekuan lesen-lesen kontraktor Kelas F, sebagai langkah merangsang industri pembinaan di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) terutamanya membabitkan penyediaan prasarana di kawasan luar bandar.
36. PN-1141-L2191  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian sedar perniagaan besi buruk merupakan satu perniagaan lumayan dengan kenaikan harga besi sepanjang tahun lalu adalah sebanyak 38 peratus di mana keadaan ini sekali gus menyebabkan aktiviti kecurian besi penutup longkang ataupun meter paip air semakin menjadi-jadi terutamanya di kawasan perumahan di bandar-bandar utama.
37. PN-1141-L2472  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan ke atas projek "Eye on Malaysia" dan juga perbelanjaan kontraktor yang menguruskan "Eye on Malaysia", sehingga kini, jumlah wang yang dikutip oleh pihak pengurusan dan jumlah bayaran yang telah dibayar kepada Kerajaan.
38. PN-1141-L2098  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mempercepatkan cadangan kenaikan gaji lebih 97,000 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang kini dalam proses pertimbangan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sebagai salah satu langkah meningkatkan taraf hidup mereka di samping mengelak ianya dieksploitasi oleh parti-parti pembangkang.
39. PN-1141-L2071  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada prinsip-prinsip yang terkandung dalam JADUAL 13 Perlembagaan Persekutuan Bahagian I, berhubung dengan persempadanan bahagian pilihan raya akan dipinda memandangkan sejak kemerdekaan pembangunan pesat telah tercapai di kawasan bandar dan desa di mana perbezaan tidak begitu ketara antara satu sama lain.
40. PN-1141-L2597  
**Puan Heng Seai Kie** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan Petronas serta statistik subsidiari Petronas mengikut kategori kaum iaitu Melayu, Cina, India, lain-lain dan rakyat asing dan apakah usaha Kerajaan dalam menyeimbangkan situasi ini supaya agihannya lebih adil dan saksama.

41. PN-1141-L2872  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah strateginya sehingga tahun 2020 di dalam memastikan visi dan misi negara melalui program penyiaran untuk melahirkan keutuhan perpaduan kaum, penyerapan integrasi nasional dan meningkatkan sumber pembangunan tenaga insan yang berkualiti serta patriotik untuk generasi masa depan yang cintakan negara.
42. PN-1141-L2420  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setakat mana pencapaian telah dilaksanakan mengikut Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang dilancarkan baru-baru ini.
43. PN-1141-L2567  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan tentang sebarang perhatian atau peruntukan yang diberi bagi memajukan kawasan ibadat penganut-penganut Hindu di Batu Caves bagi menarik pelancong-pelancong luar negara terutama dari Singapura, Sri Lanka dan India sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.
44. PN-1141-L2046  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi melahirkan lebih ramai atlit wanita di negara ini.
45. PN-1141-L2888  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang terjadi kepada amanah saham yang banyak satu ketika dulu dijual kepada orang awam khususnya saham-saham Kerajaan negeri. Adakah Kerajaan bercadang untuk "Bail-Out" agar keyakinan awam dapat dikembalikan.
46. PN-1141-L2568  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebarang cadangan untuk menempatkan anggota polis di sekolah-sekolah menengah yang menghadapi masalah disiplin yang serius di kalangan pelajar di seluruh negara.
47. PN-1141-L2227  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah rancangan Kementerian tentang pembangunan industri khinzir di negara kita; dan
  - (b) adakah pelan PFA akan dilaksanakan.

48. PN-1141-L2854  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam perundingan mengenai FTA di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dengan mengambil kira kesan dan kepentingan Kerajaan supaya ianya tidak hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja.
49. PN-1141-L2172  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah prestasi penggunaan peruntukan pembangunan yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan setakat ini mengikut negeri.
50. PN-1141-L2641  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan dan perkembangan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Etika dalam menggubal suatu kod etika bagi Ahli Parlimen.
51. PN-1141-L2346  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah benar dakwaan yang mengatakan banjir besar yang melanda Johor pada akhir tahun lalu itu berpunca daripada rancangan negara jiran menambak laut. Jika benar mengapa Kerajaan tidak membuat tuntutan ganti rugi daripada yang berkenaan kerana kerosakan yang berlaku akibat banjir tersebut.
52. PN-1141-L2218  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mewajibkan penempatan guru-guru ke kawasan luar bandar bagi memenuhi kekosongan yang kritikal di kawasan tersebut.
53. PN-1141-L2768  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah produk yang memenangi pingat di luar negara terutamanya di pameran antarabangsa di Geneva berjaya dikomersialkan.
54. PN-1141-L2788  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penguasaan undang-undang yang telah dikenakan terhadap pemilik kafe siber dalam usaha untuk membendung kegiatan tidak bermoral seperti perjudian, pelayaran laman lucah serta penyamaran bagi kegiatan pengedaran blog dan e-mail berunsur fitnah.
55. PN-1141-L2220  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menangani dan mengelakkan konflik sesama negara jiran serantau serta mekanisme penyelesaian konflik (conflict resolution mechanism) yang sesuai.

56. PN-1141-L2789  
**Dato' Azian bin Osman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang akan dan telah dijalankan bagi memastikan generasi muda yang telah layak umur mendaftar sebagai pengundi dan apakah Kerajaan akan mengetatkan peraturan dan mewajibkan pendaftaran sebagai pengundi.
57. PN-1141-L2293  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada dapat dikuatkuasakan bagi memantau dan mendakwa mereka yang sengaja mencemarkan sungai-sungai di seluruh negara kita.
58. PN-1141-L2060  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek Sistem Monorail/Lightrail untuk negeri Pulau Pinang akan mula dilaksanakan.
59. PN-1141-L2181  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula semua pelan perancangan perbandaran yang telah dibentuk memandangkan pelan perancangan perbandaran yang ada tidak mampu menangani permasalahan banjir sekarang terutamanya kesan dari pemanasan global atau pembangunan yang pesat yang telah menghasilkan jumlah hujan yang ekstrem dan menyebabkan banjir luar biasa berlaku di negara ini.
60. PN-1141-L2690  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada negara boleh mengekalkan prestasi dan pertumbuhan ekonomi yang baik dan apakah tindakan yang diambil untuk menggiatkan lagi ekonomi.
61. PN-1141-L2727  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah tegas yang diambil oleh Kerajaan mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang sudah terlalu lama membebankan rakyat di negeri Sabah; dan
  - (b) adakah perlu komitmen yang serius daripada Kerajaan Persekutuan untuk menanganinya kerana ia merupakan punca utama masalah sosial, keselamatan dan masalah politik di negeri Sabah.

62. PN-1141-L2534  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) apakah usaha-usaha yang dapat dijalankan bagi membantu 34.3% pelajar orang asli yang tercicir ke tingkatan satu untuk meneruskan persekolahan mereka; dan
  - (b) berapa ramai anak-anak orang asli seluruh Malaysia bersekolah mengikut tahap di sekolah rendah, sekolah menengah dan juga di IPTA pada tahun 2006.
63. PN-1141-L2035  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah cara-cara atau mekanisme pemantauan yang sesuai dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan ruang menerima rasuah di kalangan pegawai PBT.
64. PN-1141-L2183  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan semua penduduk di kawasan estet diberi peluang memiliki rumah kos rendah.
65. PN-1141-L2742  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memansuhkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (Real Property Gain Tax) terhadap tanah Native Title atau Field Registrar di Sabah.
66. PN-1141-L2906  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada terdapat sebarang kajian atau penilaian dilakukan untuk menentukan keberkesanan Program Rakan Muda atau Rakan Muda Wawasan Desa dan lain-lain program belia pihak Kementerian dalam membantu mengurangkan gejala sosial yang tidak diingini di kalangan remaja.
67. PN-1141-L2613  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah jenis pampasan yang diberikan bagi pelatih-pelatih dalam Program Latihan Khidmat Negara sekiranya berlaku sebarang kemalangan atau kematian.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh YB Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah [8 Mei 2007]**

2.	(D.R. 25/2006)	Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
3.	(D.R. 44/2006)	Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006	“
4.	(D.R. 5/2007)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007	“
5.	(D.R. 27/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006	“
6.	(D.R. 28/2006)	Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006	“
7.	(D.R. 38/2006)	Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006	“
8.	(D.R. 37/2006)	Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006	“
9.	(D.R. 36/2006)	Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006	“
10.	*(D.R. 30/2006)	Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2006	“
11.	*(D.R. 33/2006)	Rang Undang-undang Hak milik Anak Negeri Labuan 2006	“

12.	*(D.R. 52/2006)	Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
13.	*(D.R. 2/2007)	Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007	“
14.	*(D.R. 3/2007)	Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007	“
15.	*(D.R. 4/2007)	Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007	“
16.	*(D.R. 7/2007)	Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007	“
17.	*(D.R. 8/2007)	Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007	“
18.	*(D.R. 9/2007)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2007	“
19.	*(D.R. 39/2006)	Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006	“
20.	*(D.R. 1/2007)	Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007	“
21.	*(D.R. 6/2007)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007	“

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

22. PN-1141-U2092

**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

**(Perdana Menteri)**

23. PN-1141-U2323

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

**(Menteri Luar Negeri)**

24. PN-1141-U2325

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

**(Menteri Sumber Manusia)**

25. PN-1141-U2327

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

26. PN-1141-U2329

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.1	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	9 Mei 2007
ST.2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	9 Mei 2007
ST.14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru (KWSG) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	9 Mei 2007
ST.23	Akta Jalan Persekutuan 1959 - Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2007	9 Mei 2007
ST.24	Akta Jalan Persekutuan 1959 - Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth) 2007	9 Mei 2007
ST.25	Akta Jalan Persekutuan 1959 - Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.2) 2007	9 Mei 2007
ST.28	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Basiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua –Yang di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	9 Mei 2007
ST.93	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	9 Mei 2007
ST.99	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2005 - Pengesahan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan	9 Mei 2007
ST.104	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	9 Mei 2007